

Teodisi Islam dan Masalah Kejahatan: Suatu Analisis Konseptual

BITARA

Volume 8, Issue 3, 2025: 244-256
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 17 July 2025
Accepted: 18 August 2025
Published: 6 September 2025

[Islamic Theodicy and The Problem of Evil: A Conceptual Analysis]

**Nurhanisah Senin*¹, Mustafa Kamal Amat Misra¹, Nazneen Ismail²,
Marina Munira Abdul Mutalib¹, Wan Fazrul Azdi Wan Razali¹,
Mohd Hamidi Ismail¹ & Siti Dayana Nu'man Zainudin¹**

1 Faculty of Leadership and Management, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.

E-mail: nurhanisah.senin@usim.edu.my

2 Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

E-mail: nazneen@uis.edu.my

*Corresponding Author: amirabrar@uitm.edu.my

Abstrak

Persoalan mengenai kejahatan dan penderitaan telah menjadi antara isu falsafah dan teologi paling mencabar sepanjang sejarah pemikiran manusia. Dalam konteks teologi Islam, *teodisi* merujuk kepada usaha menjelaskan bagaimana kewujudan kejahatan dan penderitaan di dunia dapat diselaraskan dengan kewujudan Tuhan yang Maha Berkuasa dan Maha Penyayang. Artikel ini bertujuan menjelaskan bagaimana Islam memberikan justifikasi rasional dan spiritual terhadap fenomena kejahatan tanpa menjejaskan sifat kesempurnaan Tuhan dalam menjawab masalah kejahatan yang dibawa oleh pemikir ateis Barat. Artikel ini mengemukakan satu analisis konseptual terhadap pendekatan *teodisi* dalam Islam dengan meneliti elemen utama keadilan Tuhan, ujian, penderitaan dan kejahatan menurut al-Quran dan sunnah serta pandangan pemikir Islam. Setiap kejahatan dan penderitaan yang berlaku ke atas manusia tidak bercanggah dengan sifat keadilan Tuhan kerana neraca keadilan bagi Allah adalah berbeza daripada manusia. Allah adalah pemilik segala sesuatu dan Dia berhak untuk melakukan apa sahaja yang dikehendakiNya. Adapun bagi manusia ia adalah ujian yang akan diberikan balasan baik bagi mereka yang bersabar. Dapatan analisis ini diharap dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam dan lestari terhadap isu kejahatan dalam kerangka akidah Islam.

Kata kunci: *Teodisi* Islam, masalah kejahatan, analisis konseptual.

Abstract

The problem of evil and suffering has long been one of the most challenging philosophical and theological issues throughout the history of human thought. In the context of Islamic theology, theodicy refers to the effort to explain how the existence of evil and suffering in the world can be reconciled with the existence of an All-Powerful and All-Merciful God. This article aims to explain how Islam provides both rational and spiritual justifications for the phenomenon of evil without compromising the perfection of God, particularly in addressing the problem of evil posed by Western atheist thinkers. The article presents a conceptual analysis of the Islamic approach to theodicy by examining key elements such as divine justice, trials, suffering, and evil as outlined in the Qur'an, Sunnah, and the views of classical and contemporary Muslim scholars. Every instance of evil and suffering that befalls humanity does not contradict God's justice, as the divine standard of justice differs from that of humans. God is the absolute owner of all things and has the right to do as He wills. For humans, however, suffering is a test for which great reward awaits those who are patient.

This analysis hopes to contribute to a deeper and more enduring understanding of the problem of evil within the framework of Islamic creed ('aqidah).

Keywords: Islamic theodicy, problem of evil, conceptual analysis.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Nurhanisah Senin, Mustafa Kamal Amat Misra, Nazneen Ismail, Marina Munira Abdul Mutalib, Wan Fazrul Azdi Wan Razali, Mohd Hamidi Ismail & Siti Dayana Nu'man Zainudin. (2025). Teodisi Islam dan Masalah Kejahatan: Suatu Analisis Konseptual [Islamic Theodicy and The Problem of Evil: A Conceptual Analysis]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(3): 244-256.

Pengenalan

Permasalahan tentang kejahatan dan penderitaan serta bencana yang dinisbahkan kepada Tuhan sering menjadi perdebatan dalam wacana falsafah agama sama ada dalam falsafah Islam mahupun di Barat. Keadilan Tuhan dan kasih sayangNya serta kekuasaanNya dalam menghentikan kejahatan dan bencana sering dipersoalkan. Perbahasan ini menjadi isu utama khususnya dalam agama-agama *monoteistik* kerana ianya melibatkan persoalan berkenaan kekuasaan dan kasih sayang Tuhan. Konsep keadilan Tuhan cuba untuk dijustifikasikan dalam memahami keburukan serta penderitaan yang berlaku pada makhluk. Persoalan-persoalan seperti, bagaimana seseorang yang beragama mampu untuk mempertahankan keberadaan Tuhan dengan wujudnya kejahatan dan bencana? Secara logiknya, sekiranya Tuhan wujud, bagaimana mungkin Tuhan membiarkan keadaan yang tidak baik ini untuk berlaku kepada manusia?

Oleh kerana kepercayaan manusia berkembang seiring dengan pengalaman peribadi, pengalaman negatif secara tidak langsung boleh melemahkan keyakinan agama seseorang (Park, 2010). Sebagai contoh, peristiwa traumatik seperti serangan seksual atau kehilangan orang tersayang boleh memberi kesan besar terhadap keimanan individu. Begitu juga, masalah kesihatan yang serius (Krok et al., 2021), tindakan keganasan, atau bencana alam turut berpotensi menjejaskan kepercayaan seseorang terhadap agama dan Tuhan (Park & Blake, 2020). Sepanjang pandemik COVID-19, beberapa kajian turut menunjukkan bahawa krisis tersebut memberi kesan ketara terhadap tahap kepercayaan dan komitmen beragama individu (Milman et al., 2020). Keburukan yang wujud di dunia seolah-olah memalitkan persepsi negatif terhadap identiti agama yang berteraskan kepada keberadaan Tuhan yang bersifat Maha Baik dan Sempurna (Syafieh, 2019). Persoalan-persoalan berkaitan *teodisi* memerlukan jawapan yang khusus supaya ianya dapat memelihara akidah umat Islam.

Daripada aspek etimologi, perkataan *teodisi* berasal daripada Bahasa Yunani yang terdiri daripada dua perkataan iaitu '*theo*' yang bermaksud tuhan dan '*dike*' yang bermaksud keadilan. Isitlah *teodisi* (*theodicy*) ini dipelopori oleh Leibniz sekitar tahun 1710, salah seorang

ahli falsafah Jerman yang cuba untuk merungkai persoalan keadilan Tuhan dalam bukunya yang ditulis dalam Bahasa Perancis dan kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh E.M Huggard yang berjudul *Theodicy: Essays on the Goodness of God, the Freedom of Man and the Origin of Evil* (*Teodisi: Esei berkaitan Kebaikan Tuhan, Kebebasan Manusia dan Asal Usul Kejahatan*). Perbahasan *teodisi* cuba untuk mencari titik penyelesaian hubungan di antara kejahatan di dunia dan kebaikan Tuhan (Leahy, 1993) kerana secara logiknya terdapat pertentangan di antara Tuhan yang bersifat sempurna yang juga merupakan kepada pencipta kepada kejahatan (McCloskey, 1974). Menurut Leibniz, dunia ini penuh dengan kejahatan dan penderitaan namun ia tetap merupakan “*the best of all possible worlds*.” Ini kerana Tuhan dalam kebijaksanaan dan ilmu-Nya yang mutlak, telah memilih menciptakan dunia ini sebagai yang paling baik secara keseluruhan, dengan mengambil kira kebebasan manusia dan keperluan kepada hukum alam. Teori ini menegaskan bahawa kewujudan kejahatan tidak semestinya menafikan keadilan Tuhan, kerana kejahatan merupakan kesan sampingan daripada penciptaan makhluk yang bebas dan dunia yang rasional.

Menurut Bagus (2002) pula, *teodisi* adalah ilmu dalam usaha mempertahankan kebaikan dan keadilan Tuhan sejajar dengan realiti kehidupan manusia yang dipenuhi dengan kejahatan dan penderitaan. Dalam kesarjanaan Barat, wacana sebegini disebut sebagai *theodicy* yang merujuk kepada keadilan Tuhan dalam memahami peristiwa-peristiwa buruk yang terjadi pada manusia (Peterson, 2011). Persoalan yang cuba dijawab dalam perbahasan *theodicy* secara umumnya adalah mengapa Tuhan yang baik membenarkan sesuatu keburukan berlaku? Seperti yang dipersoalkan oleh John Hick (2004) dalam bukunya *An Interpretation of Religion*.

Sejak itu, wacana *teodisi* berkembang dalam falsafah Barat, dengan pelbagai pendekatan lain muncul termasuk *teodisi* Augustine, *teodisi* Irenaeus, *teodisi* soul-making oleh John Hick, serta *free will defense* oleh Alvin Plantinga. Plantinga (1974) memberi justifikasi bahawa kewujudan kezaliman dan kesempurnaan Tuhan adalah sesuatu yang tidak bertentangan. Kesemua pendekatan ini menggarap cara tersendiri untuk menjelaskan bagaimana kejahatan dan penderitaan dapat diselaraskan dengan kepercayaan kepada Tuhan yang sempurna.

Sama halnya dengan Plantinga (1974) yang merupakan sarjana Kristian yang menegaskan sifat-sifat Tuhan yang Maha Mengetahui, Berkuasa dan Pengasih dalam menjawab persoalan kejahatan menerusi perbahasan kebebasan manusia dalam memilih dan menentukan sesuatu. Adapun dalam tradisi pemikiran Islam, wacana *teodisi* dibahaskan dalam persoalan keadilan Tuhan (*al-‘adl al-ilahi*) serta kaitannya dengan qada’ dan qadar. Perbahasan ini juga berputar dalam memahami perbuatan Allah dan perbuatan manusia di mana perbuatan Allah terkait dengan beberapa sifat Allah seperti ‘*ilm*, ‘*irādah* dan ‘*qudrah* Allah yang sempurna dan sunyi daripada segala kekurangan. Adapun perbuatan manusia adalah kasab yang dikurniakan Allah kepada manusia (Mohd Nizam Sahad, 2019).

Dalam membahaskan konsep *af‘āl Allah*, sebahagian golongan meletakkan secara mutlak sifat kekuasaan Allah sebagai Tuhan yang memiliki segala makhluk-Nya dan menciptakan perbuatan-Nya dan juga perbuatan hambaNya (Wolfson, 1976). Maka akan timbul pula persoalan tentang penisbahan keburukan kepada Tuhan sebagai pencipta segala sesuatu. Perbahasan ini berkait pula dengan isu kebebasan manusia yang menekankan konsep tanggungjawab manusia serta konsep balasan baik dan buruk terhadap perbuatan manusia.

Adapun pada satu sisi yang lain, golongan Mu'tazilah dan Syiah yang menekankan konsep keadilan Tuhan sebagai prinsip pemikiran mereka, berpendapat Tuhan tidak akan menciptakan keburukan dan keburukan adalah hasil daripada pilihan manusia semata-mata (Muhammad Imarah, 2020). Persoalan yang timbul adalah sekiranya Tuhan tidak menciptakan keburukan, siapa pula yang bertanggungjawab menciptakan penderitaan yang dialami oleh manusia disebabkan oleh penyakit dan bencana alam? Mukta'zilah menganggap semua perbuatan Tuhan bersifat baik dan mustahil Tuhan dikaitkan dengan keburukan. Mukta'zilah menganjurkan konsep *al-ṣalāh wa al-aṣḥāh* yang menegaskan wajib bagi Tuhan memberikan yang terbaik untuk manusia. Adapun kezaliman serta penderitaan yang berlaku pada manusia serta haiwan walaupun pada pandangan manusia dianggap seperti sesuatu yang zalim dan buruk pada hakikatnya adalah kebaikan yang diciptakan Tuhan mempunyai tujuannya tersendiri yang berkait dengan penciptaan alam dan sebagainya.

Menurut Asha'irah pula, menetapkan sesuatu ke atas perbuatan Tuhan dilihat sebagai bertentangan dengan kekuasaan serta sifat kehendak Tuhan (M. Abdel Haleem, 1996). Oleh itu, Tuhan dianggap adil dalam apa sahaja yang berlaku menurut kehendakNya. Timbangan keadilan Tuhan tidak sepatutnya diukur oleh manusia kerana keterbatasan akal dan pengetahuana manusia. Dalam mengharmonikan kekuasaan Tuhan dengan kebebasan manusia, Asha'irah memperkenalkan konsep *kasb* di mana Tuhan menciptakan semua perbuatan dalam masa yang sama manusia bebas untuk bertindak dan bertanggungjawab di atas segala tindakan yang diambil. Justeru, penulisan ini bertujuan untuk memperincikan dengan lebih mendalam masalah kejahatan menurut Barat dan analisis konsep *teodisi* Islam dalam menjawab persoalan penderitaan dan kejahatan.

Masalah Kejahatan dan Persoalan *Teodisi*

Persoalan yang lazim ditanya oleh golongan ateis bagaimana kamu (yang mempercayai Tuhan) menganggap Tuhan sempurna sedangkan terdapat banyak kejahatan di dunia seperti sakit kematian, gempa bumi, kemarau dan sebagainya? Sekiranya Tuhan baik dan penyayang, bagaimana Dia boleh menciptakan kejahatan? (Mustafa Mahmud, 2013) Dalam memahami kejahatan, terdapat tiga jenis kejahatan secara umumnya dibahaskan oleh pemikir Barat. Pertama, kejahatan moral. Ia merupakan kejahatan yang melibatkan pilihan dan tingkah laku manusia yang menyebabkan kerosakan atau penderitaan seperti membunuh, mencuri, menipu atau bentuk-bentuk kesalahan lain yang dilakukan dengan sengaja. Kejahatan moral dilihat sebagai hasil daripada kegagalan moral individu atau masyarakat. Kedua, kejahatan alam. Ia merupakan penderitaan atau kerosakan yang disebabkan oleh proses atau kejadian semula jadi yang tidak berkaitan dengan manusia secara langsung seperti gempa bumi, letupan gunung berapi, banjir, penyakit serta bencana alam yang lain. Jenis kejahatan ini sering dikaitkan dengan peranan Tuhan dalam menyelamatkan manusia daripada penderitaan. Ketiga, kejahatan yang tidak beralasan (*gratuitous evil*). Ianya adalah penderitaan atau kejahatan yang tidak mempunyai tujuan yang lebih besar atau menyumbang kepada kebaikan. Ia dianggap sebagai kejahatan yang tidak perlu dan berlebihan seperti penderitaan yang melampau tanpa sebab, kekejaman ke atas seseorang yang tidak bersalah dan lain-lain lagi (Sami Amiri, 2016).

Adapun dalam perbahasan sarjana Barat, kewujudan kejahatan dan kesempurnaan Tuhan dilihat sebagai satu hal yang bertentangan. Hume (1779) merupakan antara ahli falsafah yang terawal pada zaman moden yang menggunakan masalah kejahatan untuk menyanggah pandangan Leibniz.

1. Jika Tuhan berkuasa, Tuhan mampu menghilangkan kejahatan.
2. Jika Tuhan maha baik, Tuhan pasti akan menghalang kejahatan.
3. Jika Tuhan mampu dan berkehendak untuk menghalang kejahatan, tiada kejahatan.
4. Akan tetapi ada kejahatan.

Premis ini tidak menafikan kewujudan Tuhan secara mutlak akan tetapi kekuasaan dan kebaikan Tuhan adalah terbatas menurut Hume. Hume tidaklah dianggap sebagai ateis dalam kalangan pemikir Kristian di atas premis yang dibangunkan ini kerana masih tidak terdapat unsur menolak kewujudan Tuhan (Andre, 2021) namun yang ditimbulkan hanyalah keraguan sahaja.



Rajah 1: *Inconsistent Triad* (Tiga Hujah Tidak Konsisten)

Perbahasan ini kemudian dikembangkan oleh J.L Mackie yang dikenali sebagai "*Inconsistent Triad*" atau "Tiga Segitiga yang Tidak Konsisten" yang dipelopori oleh J. L. Mackie dalam penulisannya *Evil and Omnipotence* yang secara terang-terangan mencabar kewujudan Tuhan menerusi permasalahan kejahatan. Teori *teodisi* golongan ateis secara asasnya terdiri daripada premis yang dibawa oleh J.L Mackie (1955) yang dikenali sebagai masalah logik (*logical problem*):

1. Tuhan yang wujud adalah yang Maha Baik, Mengetahui dan Berkuasa
2. Kekuasaan Tuhan tidak mempunyai limitasi
3. Tuhan akan sentiasa menghilangkan kejahatan
4. Kejahatan wujud, maka Tuhan tidak wujud.

Hujah ini bersifat deduktif dan fokus hujah ini adalah terhadap kemustahilan wujudnya Tuhan yang baik dan berkuasa dengan kewujudan kejahatan. Salah satu daripada kewujudan tersebut perlu dinafikan sekiranya mengikut kepada logik akal. Justeru, apabila kejahatan jelas

wujud di dunia ini menunjukkan kewujudan Tuhan perlu dinafikan (Mackie, 1955).

Menurut Andre (2021), hujah Mackie yang menyatakan kewujudan kejahatan tidak serasi dengan kewujudan Tuhan yang Maha Berkuasa, Maha Mengetahui dan Maha Baik. Namun ianya dijawab oleh golongan teis bahawa kewujudan Tuhan dan kejahatan tidak menimbulkan sebarang pertentangan dengan premis berikut:

1. Tuhan wujud
2. Kejahatan wujud
3. Tuhan mempunyai sebab yang tersendiri mengizinkan kejahatan untuk wujud.

Premis di atas sejajar dengan prinsip logik dan secara tidak langsung golongan teis berjaya menjatuhkan hujah golongan ateis. Namun begitu, Rowe (1979) berusaha untuk menjawab semula hujah golongan teis dengan mencadangkan bahawa masalah kejahatan boleh menjadi hujah untuk menolak kewujudan Tuhan sebagai satu hujah *evidential*. Rowe (1979) menggunakan kesempatan dengan mengambil contoh bencana alam dan kesakitan yang merupakan kejahatan yang berlaku secara semulajadi dalam hujahnya menunjukkan ketidakwujudan Tuhan menerusi hujah seperti berikut (Rowe, 1979):

1. Terdapat kejadian penderitaan yang sangat hebat di mana Tuhan yang Maha Kuasa dan Maha Mengetahui boleh menghalangnya tanpa kehilangan kebaikan yang lebih besar atau membenarkan kejahatan yang sama buruk atau lebih buruk.
2. Tuhan yang Maha Mengetahui dan sepenuhnya baik akan mencegah berlakunya penderitaan yang sangat hebat jika ia boleh, melainkan ia tidak boleh melakukannya tanpa kehilangan kebaikan yang lebih besar atau membenarkan kejahatan yang sama buruk atau lebih buruk.
3. (Oleh itu) Tidak wujud Tuhan yang Maha Kuasa, Maha Mengetahui, dan sepenuhnya baik.

Hujah ini bersifat induktif melihat daripada sejumlah kuantiti kejahatan yang wujud di dunia ini menyebabkan Tuhan tidak mungkin wujud. Hujah ini adalah hujah yang dibawa oleh Rowe dalam membuktikan kebarangkalian Tuhan tidak wujud adalah tinggi kerana kejahatan wujud.

Secara umumnya, hujah golongan ateis boleh dibahagikan kepada dua hujah utama iaitu masalah logik (*logical problem*) seperti yang dibawa oleh Mackie dan masalah pembuktian (*evidential problem*) yang dibawa oleh Rowe. Masalah logik secara asasnya tertolak manakala masalah hujah pembuktian menunjukkan bahawa kehadiran kejahatan yang tidak bersebab menjadikan kewujudan Tuhan tidak mungkin, walaupun tidak secara logik mustahil. Perbezaan di antara hujah logik dan hujah pembuktian adalah, hujah logik menekankan aspek kemustahilan secara logik untuk Tuhan dan kejahatan wujud bersama. Adapun hujah pembuktian lebih menunjukkan dengan wujudnya kejahatan, tidak mungkin Tuhan yang maha kuasa, mengetahui dan baik wujud (Trakakis, t.t).

Seterusnya, dalam perbahasan Inconsistent Triad timbul persoalan, apakah kaedah yang terbaik untuk menyelaraskan ketiga-tiga pernyataan ini dalam satu kerangka pemikiran yang konsisten dan tidak bercanggah antara satu sama lain? Bagaimanakah kejahatan dan

penderitaan boleh wujud apabila Tuhan adalah berkuasa mutlak dan sepenuhnya baik? Dalam mencari jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan ini, beberapa hujah telah diajukan oleh J. L. Mackie dalam mempecahkan hujah Inconsistent Triad ini.

Salah satu pendekatan yang digunakan untuk menyelesaikan *Inconsistent Triad* adalah dengan menyangkal salah satu elemennya. Ini biasanya melibatkan penolakan terhadap salah satu sifat Tuhan yang didefinisikan dalam hujah tersebut. Contohnya, penolakan konsep *teodisi* ateis mungkin menolak bahawa Tuhan adalah sepenuhnya baik dengan mendakwa bahawa Tuhan tidak memiliki kemampuan untuk menghilangkan kejahatan sepenuhnya. Atau sebaliknya, mereka mungkin menolak bahawa Tuhan adalah berkuasa mutlak dengan mendakwa bahawa Tuhan tidak memiliki kekuasaan penuh atas segala sesuatu yang terjadi di alam semesta (J. L. Mackie, 1955)

Namun, penolakan terhadap salah satu sifat Tuhan mustahil bagi golongan yang mempercayai kewujudan Tuhan. Hal ini dapat menimbulkan pertanyaan-pertanyaan tambahan tentang sifat Tuhan dan kesan daripada penolakan tersebut pasti menimbulkan keraguan terhadap keyakinan keagamaan. Contohnya, penolakan terhadap kebaikan Tuhan secara tidak langsung menggugat keyakinan terhadap kesempurnaan Tuhan serta nilai-nilai etika yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, hujah *teodisi* ateis yang bertitik tolak daripada Hume yang mencadangkan konsep *Inconsistent Triad* dan kemudiannya diikuti oleh Mackie menerusi asas logik dan kemudian Rowe cuba pula untuk membahaskan hujah *teodisi* daripada aspek pembuktian fenomena kejahatan yang berlaku (*evidential*) menunjukkan golongan ateis tidak dapat mengharmonikan kewujudan Tuhan dengan kewujudan kejahatan yang akhirnya membawa kepada penafian terhadap kewujudan Tuhan.

***Teodisi* dalam Islam: Kerangka Konseptual**

Secara umumnya, perbincangan *teodisi* dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua kerangka utama iaitu konsep keadilan dan konsep ujian, penderitaan serta kejahatan. Kerangka pertama menyentuh persoalan bagaimana Tuhan yang Maha Adil boleh membenarkan kewujudan kejahatan dan penderitaan di dunia. Dalam konteks ini, perbincangan menekankan semua tindakan dan ketentuan Allah adalah berasaskan hikmah, kebijaksanaan dan keadilan, walaupun pada zahirnya sesuatu perkara itu kelihatan buruk atau menyakitkan bagi manusia. Dalam kerangka kedua pula, perbincangan *teodisi* Islam dilihat dari aspek kewujudan (*existential*) dan spiritual, iaitu bagaimana penderitaan, musibah dan kejahatan difahami sebagai ujian yang memiliki hikmah, bukan sebagai tanda ketidakadilan Tuhan.

Konsep Keadilan

Dalam memahami keadilan Tuhan menurut perspektif Islam, sabda Rasulullah SAW dalam sebuah *hadith qudsi* bahawa Allah SWT berfirman:

يَا عِبَادِي إِنِّي حَرَّمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي، وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا، فَلَا تَظَالُمُوا

Maksudnya: “Wahai hamba-hamba-Ku! Sesungguhnya Aku telah mengharamkan sifat zalim ke atas diri-Ku dan Aku jadikannya (kezaliman) haram antara kalian, maka janganlah kalian berlaku zalim sesama kalian.” (Riwayat Muslim, Hadis no. 2577)

Maksud al-‘adl dalam Islam adalah ‘meletakkan sesuatu pada tempatnya’. Keadilan Allah SWT boleh difahami dengan Allah bebas untuk melakukan segala sesuatu ke atas makhlukNya. Alam ini merupakan ciptaan Allah justeru Allah bebas melakukan apa sahaja yang dikehendakinya tanpa ada limitasi yang boleh ditetapkan oleh manusia dan setiap perbuatan tersebut adalah adil (al-Shahrastani). Justeru, dalam memahami prinsip keadilan Tuhan, tidak ada satu peraturan atau kayu ukur yang boleh menilai perbuatan Tuhan kerana setiap peraturan adalah ciptaan Allah (al-Baghdadi, 1928).

Setiap perbuatannya adalah adil tanpa mengira sama ada ianya baik atau buruk menurut neraca manusia. Ini menunjukkan kayu ukur keadilan yang berada dalam tafsiran pemikiran manusia tidak boleh digunakan untuk mengukur perbuatan Tuhan (al-Ghazali, 2008). Hal ini adalah sejajar dengan prinsip al-Quran yang menolak sifat zalim dinisbahkan kepada Tuhan (Surah Ghafir 40: 31, Surah Yunus 10: 44, Surah al-Nisa’ 4: 40, Surah al-An‘am 6: 160 & Surah al-Anbiya 21: 47).

Keadilan pada perbuatan Allah tidak terkait dengan kewujudan apa sahaja di alam ini kerana semuanya adalah makhluk Allah. Wujudnya keburukan dan kemudaratatan tidak mencacatkan kesempurnaan Allah. Tidak menyebabkan apa-apa kekurangan bagi Allah untuk mencipta kelemahan dan kekurangan di alam semesta seperti menjadikan sifat lemah bagi makhluk. Allah juga tidak akan menjadi buruk dengan mencipta sifat bohong dan dusta (sifat sebahagian manusia). Allah akan menjadi kurang dan buruk sekiranya bersifat dengan kedua-dua sifat tersebut dan hal ini adalah mustahil di sisi Allah. Tambahan lagi, Allah yang menjadikan dusta itu buruk menurut syariat-Nya, maka tidak selayaknya bagi Allah yang mencipta bersifat dengan perkara buruk yang diciptakanNya (al-Buti, 2014).

Menurut aliran Asy’ariah, makna keadilan tidak memiliki hakikat apapun kecuali bahawa semua yang dilakukan Allah adalah adil (Syafieh, 2019). Ini bermakna Allah SWT tetap bersifat Maha Adil walaupun kejahatan wujud di dunia ini. Seperti mana kata Platinga (1974) “Tuhan mencipta sebuah dunia yang berisikan kejahatan dan Ia mempunyai alasan untuk itu”, mengisyaratkan bahawa kewujudan kejahatan sama sekali tidak bertentangan dengan sifat Allah SWT yang Maha Adil. Seperti mana yang terakam dalam al-Quran:

شَهِدَ اللَّهُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَالْمَلَائِكَةُ وَأُولُوا الْعِلْمِ قَائِمًا بِالْقِسْطِ ۚ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْعَزِيزُ الْحَكِيمُ

Maksudnya: Allah menerangkan (kepada sekalian makhluk-Nya dengan dalil-dalil dan bukti), bahawasanya tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, Yang sentiasa mentadbirkan (seluruh alam) dengan keadilan, dan malaikat-malaikat serta orang-orang yang berilmu (mengakui dan menegaskan juga yang demikian); tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah Ali ‘Imran 3: 18).

Menurut perspektif Islam, pembenaran Tuhan bagi terjadinya kejahatan tidak menunjukkan kekurangan pada sifat kekuasaan Tuhan kerana pencegahan Tuhan terhadap berlakunya kejahatan bukanlah sesuatu yang harus secara logiknya sama seperti wajibnya bagi Tuhan untuk menghilangkan kejahatan adalah bertentangan dengan logik. Ini adalah kerana Tuhan mengizinkan kejahatan untuk wujud disebabkan Tuhan telah mengurniakan kepada manusia kebebasan berkehendak dan memilih di antara baik dan buruk dan menguji niat dan perbuatan mereka. Dan hal tersebut tidaklah termasuk dalam kekuasaan Tuhan dan atas kesempurnaanNya Dia perlu menghilangkan kejahatan. Malahan ia tidak logik sekiranya Tuhan hendak menguji hambaNya dengan kebaikan dan kejahatan tanpa di sana wujudnya kejahatan. Justeru, dalam menolak hujah di atas, Sami Amiri (2016) mencadangkan premis seperti berikut:

1. Allah menciptakan semua perkara baik.
2. Di antara perkara yang baik adalah kebebasan berkehendak bagi manusia.
3. Kebebasan berkehendak menyebabkan terjadinya kejahatan.
4. Justeru, makhluk yang Tuhan ciptakan baginya bebas memilih, harus untuk melakukan kejahatan.

Secara kesimpulannya, perbincangan tentang keadilan Tuhan dalam Islam menegaskan bahawa segala perbuatan Allah adalah adil secara mutlak, walaupun manusia tidak selalu memahami hikmah di sebaliknya. *Hadis Qudsi* dan ayat-ayat al-Quran menolak secara tegas sifat zalim daripada disandarkan kepada Tuhan. Dalam kerangka Asy'ariyyah, keadilan Ilahi tidak diukur dengan neraca moral manusia, sebaliknya apa sahaja yang ditentukan oleh Allah pasti adil kerana ia bersumber daripada Zat yang Maha Sempurna. Wujudnya kejahatan dan penderitaan tidak bercanggah dengan sifat Maha Adil dan Maha Bijaksana Allah, bahkan merupakan sebahagian daripada ujian serta kesan daripada kebebasan memilih yang dianugerahkan kepada manusia. Maka, memahami keadilan Tuhan dalam Islam menuntut kita melihatnya dari lensa tauhid, hikmah dan keterbatasan akal insan dalam menilai urusan ketuhanan.

Ujian, Penderitaan dan Kejahatan

Penciptaan alam dan manusia bukanlah sesuatu yang sia-sia tetapi setiap sesuatu yang dijadikan mempunyai tujuan yang tersendiri (al-Mu'minun 115, al-Qiyamah : 36, al-Anbiya' 16-17). Manusia diciptakan dengan akal dan kefahaman untuk membezakan kebaikan daripada keburukan dan memenuhi matlamat kehidupan iaitu menyembah Tuhan (Sami Amiri, 2016). Dalam erti kata lain, manusia diberikan kebebasan untuk berkehendak yang merupakan ciri utama sebagai khalifah di bumi. Kebebasan yang diberikan kepada manusia yang membawa manusia kepada kejahatan dan bertentangan dengan fitrahnya.

Kejahatan yang berlaku kepada manusia seharusnya dilihat sebagai ujian hidup termasuk kejadian buruk (al-Anbiya' 21: 35). Ujian ini dari satu sisi bertujuan untuk membantu jiwa manusia mencapai kesempurnaan (al-Mulk 67:2). Sepertimana yang berlaku kepada kesabaran yang dipaparkan oleh Nabu Ayub AS dan penyerahannya kepada Allah ketika menghadapi kesakitan yang mengangkat darjatnya (al-Anbiya' 21: 83-84). Terdapat sebahagian peristiwa dalam kehidupan manusia yang dianggap sebagai sesuatu yang negatif tetapi

hakikatnya adalah baik bagi manusia (al-Baqarah 2: 216). Manusia sering beranggapan sesuatu yang bersifat kesenangan sebagai baik dan sesuatu yang sulit merupakan buruk (al-Fajr 89: 15-16). Hakikatnya, sesuatu hukuman atau keburukan juga boleh dianggap sebagai pendidikan kepada individu (al-A'raf 7: 130). Sekiranya manusia tidak bersyukur di atas kebaikan dan tidak dapat memahami pendidikan yang diberikan di sebalik keburukan yang menimpa, keburukan yang sebenar akan menimpa mereka iaitu terhalangnya mendapat hidayah daripada Tuhan (al-A'raf 7: 64).

Terdapat beberapa respons daripada al-Quran yang menunjukkan mengapa wujudnya kejahatan dan penderitaan di dunia. Secara umumnya, kejahatan wujud sebagai ujian kepada kehendak bebas manusia (al-Mulk 67: 2), membimbing manusia yang tersesat (al-Nahl 16: 53), mengingatkan manusia untuk kembali kepada Tuhan (al-Rum 30: 41), mencegah bahaya yang lebih besar (al-Kahf 18: 65-82), untuk menanamkan rasa syukur dalam diri manusia (al-Baqarah 2: 216, Ibrahim 14: 7) dan mengajar manusia kesalahan bangsa-bangsa terdahulu (Yunus 10: 92) (Mona Jahangiri, 2023). Tujuan-tujuan wujudnya kejahatan jelas menunjukkan kejahatan bukanlah sesuatu yang bersifat negatif semata-mata menurut al-Quran, tetapi mengandungi kebaikan bagi yang berusaha mencarinya.

Adapun menurut al-Quran, secara umumnya kejahatan boleh difahami sebagai tindakan atau perlakuan yang bertentangan dengan nilai-nilai baik. Istilah yang digunakan untuk kejahatan di dalam al-Quran merujuk kepada istilah *sharr* dan lawannya *khayr*. Perkataan *sharr* merujuk kepada perbuatan makhluk seperti bisikan syaitan, dengki, suka berputus asa, berpaling daripada Allah, berkeluh kesah, tergesa-gesa, kikir dan juga amalan sihir (Feni Khairunnisa, 2019). Hal ini jelas *sharr* yang disebutkan di dalam al-Quran merujuk kepada kejahatan moral iaitu atas pilihan manusia sendiri.

Manakala kejahatan alam seperti bencana alam, kesakitan dan sebagainya ianya tidaklah dianggap sebagai kejahatan pada hakikatnya. Penderitaan yang dialami oleh manusia boleh dilihat daripada dua perspektif berikut. Pertama, tiada pertembungan di antara sifat-sifat kesempurnaan Tuhan dan kewujudan penderitaan di dunia kerana kekuasaan Tuhan mengatasi segala sesuatu (Nurhanisah, 2024). Seperti firman Allah SWT:

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمَلِكِ تُؤْتِي الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءَ وَتَنْزِعُ الْمَلِكَ مِنْ تَشَاءَ وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِإِذْنِكَ
الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

Maksudnya: Katakanlah: "Wahai Tuhan Yang mempunyai kerajaan, Engkau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Engkau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau muliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkaulah segala kebajikan. Sesungguhnya Engkau Maha Kuasa atas segala sesuatu. (Surah Ali 'Imran 3: 26)

Kedua, sekiranya penderitaan dianggap sebagai ujian, ianya merupakan peluang kepada manusia untuk mengembangkan potensinya sebagai manusia dalam menelusuri perjalanan spiritual.

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: Dan sungguh akan Kami berikan cubaan kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. (Surah al-Baqarah 2: 155)

Jika diperhatikan ayat di atas, Allah menunjukkan ganjaran yang besar terhadap mereka yang bersabar apabila ditimpa ujian. Setiap perbuatan manusia akan diberikan ganjaran di akhirat kelak. manifestasi keadilan Allah dapat dibuktikan menerusi kewujudan balasan di hari akhirat. Keadilan Allah di akhirat adalah suatu konsep yang penting dan fundamental dalam ajaran Islam. Islam menekankan bahawa tiada sebarang ketidakadilan dalam balasan yang diberikan terhadap setiap amal perbuatan manusia. Islam mengajarkan bahawa kehidupan dunia ini hanyalah sementara dan kehidupan yang abadi terletak di akhirat, di mana setiap perbuatan manusia akan diadili dengan sempurna. Setiap amal perbuatan, sama ada baik atau buruk, akan dibalas dengan ganjaran atau hukuman yang setimpal, tanpa sebarang ketidakadilan. Dalam konteks ini, Allah Maha Adil, kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh hamba-Nya, baik yang dilakukan dengan ikhlas atau yang disertai dengan niat buruk, akan dinilai dengan penuh kebijaksanaan dan keadilan-Nya. Seperti firman Allah:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

Maksudnya: "Barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah, dia akan melihatnya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah, dia akan melihatnya." (Surah al-Zalzalah 99:7-8).

Ayat di atas menjelaskan bahawa setiap amal perbuatan, meskipun sekecil zarah sekalipun, tidak akan terlepas daripada penilaian Allah. Ia menunjukkan bahawa Allah tidak melupakan sebarang perbuatan. Setiap kebaikan yang dilakukan oleh seseorang akan dihitung sebagai pahala, sementara setiap kejahatan akan dihitung sebagai dosa. Konsep ini menguatkan pemahaman bahawa kebaikan dan keburukan dalam Islam tidak bergantung pada pandangan manusia, tetapi hanya berdasarkan perintah dan larangan Allah. Apa yang diperintahkan oleh Allah adalah baik, sementara apa yang dilarang-Nya adalah buruk.

Perbahasan berkenaan penderitaan manusia turut dinukilkan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab *Ihya' 'Ulum al-Din*. Seperti yang telah dimaklumi, dalam perjalanan intelektual dan spiritual al-Ghazali melalui fasa yang menyebabkan al-Ghazali mengambil keputusan yang besar dengan melepaskan segala kepentingan dunia ketika beliau berada di puncaknya. Seperti yang disebutkan oleh al-Ghazali dalam kitab *al-Munqidh min al-Dalāl*, al-Ghazali merekodkan perjalanan intelektual dan spiritual (Watt, 1963) yang dilalui dalam memperolehi makrifatullah. Beliau meninggalkan segala posisi keduniaannya dan menderita sakit sehingga tidak dapat makan dan minum mahupun bercakap dengan baik. Baginya, pengalaman sakit beliau ini adalah bukti suatu kebaikan dalam merealisasikan potensi intelektual dan spiritual beliau (Al-Ghazali, 2006).

Hasil daripada refleksi beliau terhadap penderitaan yang beliau lalui, telah membuahkan kepada penulisan kitab *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* di mana terkandung di dalamnya ilmu-ilmu

kejiwaan dalam memperhalusi syariat agama itu sendiri (Watt, 2006). Dalam perbahasan *teodisi*, al-Ghazali yang telah mengalami penderitaan sakit secara fizikal setelah beliau meninggalkan segala kedudukan dan harta yang dimilikinya sebelum ini, menyebutkan dalam karyanya *Ihyā' 'Ulūm al-Dīn* kitab *al-Tauḥid wa al-Tawakkal* menyebutkan:

“Setiap apa yang dibahagikan oleh Allah di antara hamba-hamba-Nya daripada rezeki, ajal, gembira dan susah, lemah dan kuat, iman dan kufur, taat dan maksiat; semua itu adil semata-mata dan tidak ada kezaliman padanya, hak semata-mata dan tidak ada kezaliman padanya. Bahkan itu adalah di atas tertib yang wajib yang benar di atas yang sepatutnya sebagaimana yang sepatutnya dan dengan kadar yang sepatutnya. Tidaklah mungkin sekali-kali yang lebih baik daripadanya. Tidaklah yang lebih lengkap dan yang lebih sempurna. Dan jika ada dan disimpanNya serta *qudrah* dan tidak dikurniakan-Nya dengan perbuatanNya, nescaya itu adalah kikir yang berlawanan dengan kemurahan. Kezaliman yang berlawanan dengan keadilan. Dan jika tidak Dia ber*qudrah*, nescaya ia adalah kelemahan yang berlawanan dengan fitrah ketuhanan. Bahkan setiap kekafiran dan kemelaratan di dunia, maka itu kekurangan dari dunia dan kelebihan di akhirat.” (*al-Ghazali 2008: 386-387*)

Penulisan al-Ghazali di atas ini adalah sebahagian daripada catatan beliau berkenaan dengan konsep tauhid dan tawakal di mana kepercayaan kepada Allah dan dalam usaha seorang Muslim mengesakan Allah pada hakikatnya terangkum dalam konsep tawakal kepada Allah. Dalam menjawab persoalan *teodisi* dengan kenyataan al-Ghazali di atas, jelas al-Ghazali tidaklah mungkin sekali-kali ada sesuatu lebih baik daripadanya dan tidak ada sesuatu yang lebih lengkap dan lebih sempurna daripada apa yang terjadi menunjukkan bahawa setiap kejadian yang berlaku di atas dunia ini, tiada yang lebih sempurna dan tepat kecuali apa yang telah terjadi hasil daripada *qudrah* dan iradah Allah.

Kesimpulannya, persoalan tentang penderitaan dan kejahatan dalam Islam tidak dilihat sebagai ancaman kepada keimanan atau kesempurnaan Tuhan, tetapi sebagai sebahagian daripada hikmah dan ketetapan Ilahi yang mendalam. Islam menekankan bahawa setiap kejadian—sama ada kebaikan mahupun keburukan—berlaku dengan izin dan kehendak Allah yang Maha Adil dan Maha Bijaksana. Kejahatan bukanlah semata-mata negatif, tetapi sering menjadi ujian, peringatan, didikan dan peluang untuk manusia memperbaiki diri serta mendekatkan diri kepada Tuhan. Pandangan ini memperlihatkan keseimbangan antara unsur rasional dan rohani dalam menangani persoalan *teodisi*. Melalui prinsip tauhid, konsep ujian, dan keyakinan terhadap keadilan akhirat, Islam membentuk kerangka *teodisi* yang unik—bukan hanya mempertahankan Tuhan daripada dakwaan ketidakadilan, tetapi juga membimbing manusia memahami penderitaan sebagai jalan menuju kematangan rohani dan kesejahteraan abadi.

Kesimpulan

Masalah kejahatan seringkali menjadi cabaran utama terhadap keyakinan kepada Tuhan, khususnya dalam kerangka pemikiran moden yang berorientasikan keadilan mutlak dan

penderitaan minimum. Namun, *teodisi* Islam menawarkan satu kerangka yang bukan sahaja rasional tetapi juga bersifat eksistensial dan spiritual. Konsep kejahatan dalam Islam tidak dilihat sebagai entiti mutlak yang bertentangan dengan kewujudan Tuhan, sebaliknya sebagai sebahagian daripada ketentuan dan hikmah Ilahi yang tersembunyi. Melalui konsep ujian, takdir, dan ganjaran akhirat, Islam memberikan tafsiran bahawa penderitaan bukanlah bukti ketiadaan Tuhan, tetapi medan untuk pembentukan moral, penyucian jiwa, dan pemaknaan hidup. Analisis konseptual ini menunjukkan bahawa *teodisi* Islam bukan sekadar membela Tuhan daripada tuduhan tidak adil, tetapi juga memberi arah dan harapan kepada manusia dalam menghadapi realiti kejahatan dan penderitaan. Maka, pendekatan *teodisi* Islam berupaya menjadi wacana keagamaan yang menyantuni akal dan jiwa dalam mendepani cabaran zaman.

Penghargaan

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas pembiayaan geran penyelidikan yang bertajuk “Pendekatan NGO-I dalam Menjawab Perbahasan *Teodisi* oleh Golongan Ateis. Kod penyelidikan: PPPI/USIM/FKP/USIM/16542

Rujukan

- Andre, Shane. 2021. The Problem with the Problem of Evil. *Open Journal of Philosophy*, 11, 336–354.
- Al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. 2014. *Kubra al-Yaqiniyyat al-Kawniyyah: Wujud al-Khaliq wa Wazifah al-Makhluk*. Damsyik: Dar al-Fikr.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid bin Muhammad. 2006. *Al-Munqidh min al-Dalal, Deliverance from Error*. Translated by R. J. McCarthy. Louisville: Fons Vitae.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid bin Muhammad. 2008. *Al-Iqtisād fī al-I’tiqād*. Jeddah: Dār al-Minhaj.
- Al-Ghazālī, Abu Hamid bin Muhammad. 2008. *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Vol. 4. Cairo: Al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Hick, John. 2004. *An Interpretation of Religion*. New Haven and London: Yale University Press.
- Hume, D. 1779. *Dialogues Concerning Natural Religion*. Book X. <https://doi.org/10.1093/oseo/instance.00044084>
- Leahy, Louis. 1993. *Filsafat Ketuhanan Kontemporer*. Yogyakarta: Kanisius.
- Leibniz, Gottfried Wilhelm. 2009. *Theodicy*. New York: Cosimo.
- Lorens Bagus. 2002. *Kamus Filsafat*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- M. Abdel Haleem. 1996. Early Kalām. In *History of Islamic Philosophy*, edited by Syed Hossein Nasr & Oliver Leaman. London: New York.
- Mackie, J. L. 1955. Evil and Omnipotence. *Mind*, 64(254), 200–212.
- McCloskey, H. J. 1974. *God and Evil*. Netherlands: Martinus Nijhoff.
- Milman, E., Lee, S. A., Neimeyer, R. A., Mathis, A. A., & Jobe, M. C. 2020. Modeling pandemic depression and anxiety: The mediational role of core beliefs and meaning making. *Journal of Affective Disorders Reports*, 2, 100023.
- Mohd Nizam Sahad. 2019. *Pemikiran Mengenai Ilahiyyat: Sejarah Perkembangan dan Aliran Akidah*. Kuala Lumpur: DBP.

- Mona Jahangiri. 2023. The Question of Theodicy in Islamic Philosophy—Suggesting a Solution: Badā'. *Religions*, 14(8), 1047. <https://doi.org/10.3390/rel14081047>
- Muhammad Imarah. 2020. *Muktazilah dan Persoalan Kebebasan Insan*. Ahmad Nabil Amir (penterjemah). Kuala Lumpur: Islamic Renaissance Front.
- Mustafa Mahmud. 2013. *Hiwar ma'a Sodiqli al-Mulhid*. Qahirah: Maktabah Misr.
- Nurhanisah Senin et al. 2024. Reconciling Faith and Sufferings: Insights from Sa'id Ramadhan Al-Buti's Theodicy. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(9), 1359–1368.
- Park, C. L. & Blake, E. C. 2020. Resilience and Recovery Following Disasters: The Meaning Making Model. In S. E. Schulenberg (Ed.), *Positive Psychological Approaches to Disaster*, 9–25.
- Park, C. L. 2010. Making Sense of the Meaning Literature: An Integrative Review of Meaning Making and Its Effects on Adjustment to Stressful Life Events. *Psychological Bulletin*, 136(2), 257–301.
- Peterson, Michael L. 2011. *The Problem of Evil, Selected Readings*. Notre Dame: University of Notre Dame.
- Plantinga, Alvin. 1974. *God, Freedom, and Evil*. Cambridge: WM. B. Eerdmans.
- Rouzati, Nasrin. 2018. Evil and Human Suffering in Islamic Thought—Towards a Mystical Theodicy. *Religions*, 9(47). doi:10.3390/rel9020047
- Rowe, W. L. 1979. The Problem of Evil and Some Varieties of Atheism. *American Philosophical Quarterly*, 16(4), 335–341.
- Sami Al-Amiri. 2016. *Mushkilat Al-Sharr wa Wujud Allah – Al-Rad ala Abras Shubuhāt Al-Malahidah*. London: Takwin li al-Diasat wa Al-Abhath.
- Syafieh. 2019. Kejahatan dan Campur Tangan Tuhan. *Lentera: Indonesian Journal of*.
- Trakakis, Nick. n.d. The Evidential Problem of Evil. <https://iep.utm.edu/evil-evi/>. Accessed on 1 June 2024.
- Watt, Montgomery. 1963. *Muslim Intellectual: A Study of al-Ghazālī*. Edinburgh: Edinburgh University.
- Wolfson, Harry Austryn. 1976. *The Philosophy of Kalām*. Cambridge: Harvard University Press.